

Headline **Peruntuk tiga peratus bajet tahunan untuk R&D - Dr. Mahathir**  
 Date **06 May 2011**  
 MediaTitle **Utusan Malaysia**  
 Section **Dlm Negeri**  
 Journalist **N/A**  
 Frequency **Daily**  
 Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**  
 Page No **9**  
 Article Size **451 cm<sup>2</sup>**  
 Color **Full Color**  
 ADValue **8,914**  
 PRValue **26,741**



## Peruntuk tiga peratus bajet tahunan untuk R&D - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 5 Mei - Kerajaan perlu memperuntukkan kira-kira tiga peratus daripada belanjawan tahunan pada masa akan datang untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam pelbagai bidang.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan itu penting demi memastikan negara mampu terus berdaya saing dalam pasaran global serta mengoptimumkan keuntungan pelbagai produk tempatan.

"Sebagai penasihat Proton Holdings Sdn. Bhd.), saya juga kini bersama Proton untuk meminta peruntukan kerajaan bagi tujuan R&D dan kami menggunakan RM50 juta untuk mencipta kereta elektrik hibrid.

"Secara perbandingan, General Motors pula menggunakan AS\$3 billion (RM8.9 billion) untuk mencipta kereta hibrid mereka. Jadi wang diperlukan untuk penyelidikan," katanya ketika berucap pada majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-25 MIMOS Bhd. (MIMOS) di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dan Pengurus MIMOS, Datuk Suriah Abdul Rahman.

Dr. Mahathir berkata, kewujudan MIMOS sejak 25 tahun lalu berjaya mengubah pemikiran rakyat negara ini dalam bidang R&D khususnya berkaitan sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dalam pada itu, Maximus berkata, Malaysia mampu muncul sebagai negara terbaik di peringkat ASEAN yang mempatenkan hasil inovasi tempatan serta mengkomersialkan produk berkenaan dalam tempoh lima tahun akan datang.

"MIMOS telah membuktikan kemampuan itu dengan menyediakan corong pasaran perniagaan bernilai lebih RM1 bilion melalui pembangunan lebih 20 prototaip sejak 2006," ujarnya.

Pada majlis tersebut, Dr. Mahathir turut diberi penghormatan sebagai penerima Anugerah Kepimpinan ICT Negara oleh MIMOS.

25 tahun lalu, Dr. Mahathir meluluskan peruntukan RM5 juta untuk tujuan R&D ICT negara melalui penubuhan MIMOS, selepas menerima cadangan kertas kerja dari pada pengasas agensi itu, Datuk Tengku Dr. Mohd. Azzman Shariffadeen dan seorang lagi pakar dari Sweden.



MAXIMUS Ongkili menyampaikan Anugerah Kepimpinan ICT Negara kepada Dr. Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKI JILAN